

KEJADIAN tanah runtuh yang berlaku di Lebuhraya Kuala Lumpur- Karak baru-baru ini.

1,000 LOKASI PANAS

■ LLM pantau kawasan curam berisiko setiap enam bulan

Oleh Syazwan Msar
dan Fakhrurrazi Usuldin
am@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) memantau dengan serius 1,000 lokasi kawasan curam berisiko berlaku tanah runtuh di sepanjang lebuhraya seluruh negara setiap enam bulan bagi memastikan tindakan awal jika berlaku kejadian tidak diingini.

Pemantauan di kawasan terbabit lebih kerap diadakan ketika musim hujan kerana risiko dan nisbah untuk berlaku kejadian tanah runtuh lebih tinggi.

Jurucakap LLM berkata, ada beberapa kategori kawasan curam yang diambil kira iaitu zon paling tinggi,

tinggi, sederhana, rendah berisiko dan tidak berisiko.

Beliau berkata, pembahagian zon kawasan curam itu bagi memudahkan tugas LLM memantau dan mengambil tindakan susulan jika mengesan pergerakan tanah yang memungkinkan berlaku tanah runtuh.

"Kajian kami mendapati Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KL-Karak) paling banyak mempunyai kawasan berisiko tanah runtuh iaitu 509 curam manakala selebihnya di Lebuhraya Utara-Selatan, Kajang-Seremban (LEKAS), Sistem Lingkaran-Lebuhraya Kajang Sdn Bhd (SILK) dan Lebuhraya Pantai Timur (LPT).

"Pemantauan curam dan kawasan berbukit di lebuhraya ini diletak di bawah

pengurusan risiko.

"Mereka bertanggungjawab memantau kawasan berkenaan dan seterusnya mengambil tindakan susulan jika ada tanda pergerakan tanah atau rekahan berlaku tanah runtuh," katanya kepada Harian Metro.

Menurutnya, LLM menerusi syarikat konsesi akan memantau cerum serta bukit ini supaya tiada kejadian tanah runtuh seterusnya mengelak kejadian tidak diingini berlaku.

Bagaimanapun, katanya tanggungjawab memantau zon curam berisiko tanah runtuh membabitkan kawasan lebuhraya manakala laluan biasa di luar bidang kuasa, malah LLM tidak boleh mengambil langkah susulan.

"Kami hanya boleh me-

ngambil tindakan apabila kejadian itu berlaku di dalam pagar atau laluan lebuhraya.

"Ini menyebabkan punca masalah tanah runtuh hanya boleh diselesaikan menerusi kerjasama dan bantuan pihak lain," katanya.

Selain itu, katanya, LLM juga akan memastikan tindakan segera dapat dilaksanakan sekiranya berlaku tanah runtuh sekali gus mengelak kejadian tidak diingini berlaku hingga boleh mengorbankan nyawa.

"Pihak konsesi lebuhraya akan membaiki pulih segera curam yang dilihat berisiko runtuh selain memperkuatkan lagi struktur binaan supaya tidak mudah me-rekah terutama ketika hujan atau musim tengkujuh," katanya.

Struktur cerun tanah dan risiko tan

